

# UMS Link intai

Oleh SURAIDAH  
ROSLAN

## peluang kerjasama

UB 23.11.2014 A6

**KOTA KINABALU:** UMS Link Holdings Sdn Bhd kini melihat peluang untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk melebarkan program pembelajaran luar kampus Universiti Malaysia Sabah kepada penjawat awam negeri yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd Buthamam Awang Mahmud berkata, pembelajaran luar kampus atau lebih dikenali sebagai PLUMS itu mula diperkenalkan di

► *Dalam menawarkan program lanjut pengajian kepada penjawat awam*

Sandakan pada 1999 dengan pengambilan hanya 200 guru tidak terlatih dalam menyertai program itu.

Beliau berkata, Plums kemudiannya berkembang dan menjadi program yang berjaya apabila ia memperoleh kira-kira 6, 600 pelajar bagi 15 kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 10 kursus bagi Ijazah Sarjana.

“Saya mencadangkan

untuk mengadakan kerjasama bersama Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengenalpasti guru tidak terlatih dan menawarkan pembelajaran luar kampus UMS kepada mereka. Program ini juga boleh ditawarkan kepada penjawat awam lain,” katanya semasa Majlis Makan Malam bersama Graduan Plums, di sini pada malam Khamis lalu.

Majlis itu dianjurkan sebagai menghargai 437 pelajar Plums yang akan bersama-sama 4, 000 pelajar lain untuk menerima skrol mereka sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-16.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar merangkap Exco Pendidikan Negeri Datuk Seri Panglima Masidi Manjun yang merasmikan majlis itu berkata, Kerajaan Negeri mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin bekerjasama dengan mereka dalam membangunkan sektor pendidikan negeri ini.

“Saya menyokong penuh hasrat UMS link yang ingin bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menawarkan program ijazah bersesuaian kepada penjawat awam. Pintu kami sentiasa terbuka dan kami amat berterima kasih kepada pihak yang sudi bekerjasama bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Masidi menasihati graduan agar jangan terlalu memilih pekerjaan kerana perlumbaan mendapatkan kerja sangat sengit dan adalah mustahil untuk memperoleh pekerjaan untuk memenuhi ekspektasi mereka.

Masidi juga menyarankan pelajar agar mengambil kursus yang berlainan daripada kursus utama mereka bagi membolehkan mereka mempunyai kelebihan dan kebolehpasaran yang tinggi.